

MODUL PENGAJARAN

ELEMEN IRAMA TRADISIONAL MELAYU

MELALUI REBANA

SHUZAIDI BIN SAMSUDDIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

PENGAKUAN

Saya mengaku pembangunan produk ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Disember 2011

SHUZAIDI BIN SAMSUDDIN

M20082000242

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

December 2011

SHUZAIDI BIN SAMSUDDIN

M20082000242



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Dan Maha Penyayang

Syukur ke hadrat Allah swt kerana memberi kesihatan, ilham, dan kekuatan di hati ini sehingga dapat menyiapkan penulisan projek ini. Tiada kata secantik bahasa yang dapat diungkapkan buat Mohd Azam Bin Sulong selaku penyelia yang sentiasa dan tidak kira masa untuk membimbing dan juga pensyarah-pensyarah yang banyak mencurahkan ilmu dan tidak ketinggalan kepada sahabat-sahabat yang tidak putus-putus memberi semangat dan dorongan.

Buat insan-insan yang teristimewa yang telah pergi buat selamanya, ayahanda Samsuddin Bin Maun, Che Haron Bin Che Mamat, Hashim Bin Abdullah, Baba Bin Maidin, bonda Adlin Binti Abd dan adinda Kalsombi Binti Baba hanya surah Al-Fatihah yang dihulurkan buat mereka di sana. Buat isteri tersayang Zainura Binti Che Haron yang banyak berkorban dan sentiasa di sisi juga anak-anak Najee, Shafiyah, Juwairiah, Adelya dan Ezekiel.





ABSTRAK

Laporan projek pembangunan “Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu Melalui Rebana” ini disediakan untuk memenuhi keperluan kursus SPM 6006 dalam Program Sarjana Pendidikan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penghasilan produk ini adalah bertujuan untuk membantu dan menyediakan pilihan bahan pengajaran kepada sekolah-sekolah yang sedang melaksanakan Kurikulum Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Produk ini disediakan khusus untuk guru-guru muzik yang ingin mempelbagaikan bahan pengajaran elemen irama tradisional dan tidak hanya bergantung kepada alat-alat moden yang dibekalkan sahaja. Dalam pada itu penghasilan produk ini akan dapat menyumbang kepada pengekalan warisan budaya. Produk ini dibangunkan dengan berpanduan struktur buku Gaya Dewan. Untuk tujuan penilaian produk yang dihasilkan, temu bual telah dijalankan dengan empat orang guru muzik yang masing-masing mempunyai pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun. Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa semua responden bersependapat dan bersetuju dengan semua aspek dalam produk yang telah dibangunkan. Namun begitu masih juga terdapat sedikit kelemahan dalam penghasilannya. Akan tetapi cadangan untuk penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan tersebut turut dibincangkan dalam bahagian akhir penulisan ini.





ABSTRACT

The report of the development project of “Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu Melalui Rebana” was prepared to meet the need for SPM 6006 course in Program Sarjana Pendidikan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris. The aim of product development is to help and provide instructional material choices to schools which are implementing Kurikulum Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). This product is specially to cater for music teachers who wish to vary the instructional rhythm materials elements and do not solely depend to modern material provided. This end product will also be able to contribute the heritage retention culture. This product is developed by the guided book structure Gaya Dewan. For the evaluation of the products that has been produced, interviews were conducted with four music teachers who had more than ten years teaching experience. The results of the interviews showed that all the respondent agreed with all this end product conducted. There are a few weaknesses in producing it. However suggestions on how to overcome the problems have also been discussed at the end of the writing.



SENARAI ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

Perkara

Muka surat

Perakuan	ii
Declaration	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Kandungan	vii
Senarai jadual	x
Senarai rajah	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang projek	3
1.3 Pernyataan masalah	4
1.4 Tujuan projek	5
1.5 Kepentingan projek	7
1.6 Batasan projek	8
1.7 Definisi istilah	9
1.8 Rumusan	16
BAB 2 PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Mendapatkan dan mengumpulkan maklumat ataupun data berkaitan rebana	19

Perkara

Muka surat

2.3	Mengklasifikasikan maklumat ataupun data yang diperolehi mengikut tema dan kategori	22
2.4	Menetapkan topik berdasarkan tema atau kategori	23
2.5	Menulis manuskrip dan data mengikut kategori atau kandungan topik yang telah ditetapkan	24
2.6	Menyunting manuskrip dan data mengikut kategori atau kandungan topik yang telah ditetapkan	25
2.7	Kerangka kerja penghasilan projek	27
2.8	Rumusan	28
BAB 3 HURAIAN PRODUK		
3.1	Pengenalan	29
3.2	Bentuk dan objektif produk yang dibangunkan	30
3.3	Isi kandungan Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu Melalui Rebana	31
3.4	Rumusan	46
BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN PRODUK		
4.1	Pengenalan	47
4.2	Latar Belakang Responden	47
4.3	Analisis Dapatan Temu Bual	50
4.4	Kesesuaian Permainan Rebana di Sekolah Menengah	56
4.5	Rumusan	00
BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	00
5.2	Ringkasan Produk	00

Perkara**Muka surat**

5.3	Fungsi-Fungsi Produk	64
5.4	Sasaran Pengguna	65
5.5	Perbincangan kekuatan dan kelemahan Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu Melalui Rebana	70
5.6	Cadangan-cadangan	71
5.7	Rumusan	72
RUJUKAN		
LAMPIRAN		
	Lampiran A	72
	Lampiran B	73



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), program Pendidikan Muzik menengah rendah merupakan program pendidikan selama tiga tahun bermula Tingkatan Satu. Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik KBSM disediakan dengan mengambil kira muzik sebagai salah satu medium bagi pelajar meluahkan perasaan, fikiran, dan imaginasi. Ia juga bertujuan memberi perluasan pengalaman muzikal dan kesedaran estetika pelajar. Matlamat program ini pula adalah bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman muzik untuk memperkembang aptitud mereka dalam seni muzik di samping mempertingkatkan cita rasa muzikal yang membolehkan pelajar menikmati, menghargai dan merekacipta muzik ke arah melahirkan insan yang seimbang, kreatif, berdisiplin, dan harmonis. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003, p.iii).

Manakala program pembelajaran dalam Kurikulum Pendidikan Muzik menengah atas pula direka bentuk untuk memberi peluang pelajar menikmati dan menghayati muzik berdasarkan kefahaman yang mantap tentang unsur-unsur muzik. Sungguhpun ruang disediakan untuk pelajar memperkembang dan memantapkan minat dan bakat mereka dalam seni muzik, aptitud pelajar berhubung dengan muzik tidak seharusnya terkongkong kepada bakat persembahan semata-mata. Oleh yang demikian, kurikulum ini menyediakan ruang untuk pelajar meneroka dan meningkatkan kemampuan mereka dalam bidang berkarya dan berbicara dalam “bahasa muzik”. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003, p.iv).





Pendidikan Muzik KBSM turut menerap nilai-nilai positif yang membina sahsiah diri pelajar. Aktiviti-aktiviti muzikal, sama ada secara solo atau berkumpulan memerlukan pelajar yang mempunyai disiplin diri, kecekalan dan semangat mencuba yang tinggi. Pelajar harus bertanggung jawab kepada kumpulan dan bekerjasama dalam menghasilkan muzik yang berkualiti. Salah satu tumpuan kurikulum adalah muzik tradisional. Penglibatan pelajar secara aktif dalam permainan muzik tradisional diharap dapat memupuk semangat patriotisme dan kekitaan di kalangan pelajar.

Hampir semua seni dan muzik tradisional Malaysia berasal dari negara-negara luar Malaysia. Oleh kerana itu tidak hairanlah elemen-elemen muziknya mempunyai persamaan dengan elemen muzik yang terdapat di luar negara. Antara yang banyak mempengaruhi muzik tradisional di Malaysia ialah Arab, India, dan kerajaan-kerajaan lama di Indonesia. Misalnya alat muzik dhol dan gambus yang digunakan dalam muzik Ghazal serupa dengan alat muzik di India dan Arab. Muzik Gamelan hampir serupa dengan Gamelan di Indonesia. Rentak ialah pola irama tertentu yang dikenali dan dipersetujui dalam satu budaya. Pola irama ini dimainkan berulang-ulang menggunakan kombinasi pelbagai alat muzik bertujuan mengiringi melodi lagu.

Rentak tradisional Malaysia juga dikaitkan dengan pelbagai rentak yang dibawa masuk ke Malaysia (Tanah Melayu) melalui pelbagai cara termasuklah perdagangan (contohnya Zapin oleh ahli perniagaan Arab), lawatan-lawatan (contohnya Ghazal dari Riau yang dibawa masuk oleh pembesar Johor) dan penghijrahan (contohnya muzik Gamelan, dan Caklempong yang dibawa masuk oleh orang Jawa/Minang Indonesia) dan Wayang Kulit yang dibawa masuk oleh orang Pattani (Thailand) di Kelantan. Alat muzik yang sering digunakan mengiringi lagu rentak tradisional ialah gong dan rebana manakala melodinya dimainkan oleh alat muzik biola, akordian, dan gitar.



1.2 Latar belakang projek

Senario yang sedang berlaku dalam pendidikan muzik di Malaysia dewasa ini, menunjukkan bahawa masih banyak sekolah yang belum mengetengahkan muzik tradisional Melayu. Projek menghasilkan “Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu Melalui Rebana” secara langsung akan dapat memperlihatkan konsep ‘*multicultural*’ ataupun kepelbagaian budaya dalam masyarakat dan seterusnya akan dapat memartabatkan budaya muzik kebangsaan. Projek membina “Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu Melalui Rebana” secara tidak langsung akan dapat mengekalkan irama tradisional iaitu warisan seni dan budaya.

Telah banyak tulisan yang dihasilkan dan didokumentasikan berkaitan rebana yang meliputi sejarah, jenis-jenis rebana, contoh-contoh repertoir irama dan berbagai aspek lagi. Terdapat juga persembahan permainan rebana yang didokumentasikan dalam bentuk video ataupun cakerapadat. Namun, penulisan mahupun penerbitan video mengenai pengajaran elemen irama tradisional Melayu melalui rebana yang bercorak pedagogikal masih tidak terdapat dalam pasaran.

Pengajaran dan pembelajaran muzik sekolah boleh dibangunkan dengan mengambil sumber-sumber dan bahan-bahan dari muzik tempatan dan disesuaikan dengan teknik pengajaran moden. Pembinaan “Modul Pengajaran Elemen Irama Tradidional Melayu Melalui Rebana” akan dapat mempopularkan semula irama-irama tradisional kepada pelajar di sekolah dan mendapat perhatian masyarakat untuk memperkembangkan warisan seni dan budaya. Keperihatinan ini akan dapat memberi sumbangan yang penting kepada pendidikan muzik dan



memperkembangkan bakat pelajar dalam muzik tradisional. Mencintai seni dan bekerjasama dalam pasukan dan boleh mencerminkan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu, berhemah tinggi, berketerampilan, dan bersedia untuk kemajuan negara di masa akan datang.

1.3 Pernyataan masalah

Di kalangan pemain-pemain muzik, didapati sangat kurang pemain-pemain yang berkebolehan untuk bermain lagu-lagu tradisional, apatah lagi memainkan alat-alat muzik yang digunakan untuk persembahan lagu-lagu tradisional. Keadaan ini akan menjadi bertambah buruk lagi dari semasa ke semasa jika dibiarkan ianya berterusan. Generasi akan datang langsung tidak akan berpeluang untuk mendengar dan mengenali apakah dia tradisi muzik asli mereka.



Dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik menengah rendah mengikut semakan pada tahun 2004 memasukkan ensembel pilihan di bawah aspek Pengalaman Muzikal. Mengikut isi kandungan sukatan ini keistimewaan diberi kepada guru-guru untuk memilih ensembel yang manakah yang akan diajar bersesuaian dengan pelajar dan bercirikan masyarakat setempat. Oleh itu, muzik tradisional yang pernah dimainkan dan boleh diterima oleh masyarakat pada hari ini boleh diajar di sekolah.

Pembinaan modul-modul pengajaran berkaitan muzik tradisional Melayu dirasakan perlu kerana muzik tradisional Melayu masih lagi kekurangan buku-buku dan bahan-bahan yang sesuai yang boleh digunakan dalam pengajaran di bilik darjah. Sementelah itu, usaha-usaha telahpun giat dijalankan untuk menambah koleksi bahan seperti Buku Panduan Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Kertok oleh Saufi Bin Abdullah (2009), Modul Pengajaran



Wayang Kulit Dalam Bilik Darjah oleh Mohd Aswawi Bin Isa (2009), Compact Disc (CD) Multimedia Interaktif Permainan Kompang Komtemporari oleh Mohamad Isa bin Ramlan (2009) dan Compact Disc (CD) Multimedia Interaktif Permainan Alatan Muzik Dikir Barat oleh Nik Nasharuddin Bin Awang (2010) dan Modul Pengajaran Elemen Irama Melalui Permainan Rebana Ubi oleh Mohd Zaki Bin Ismail (2010).

Namun begitu, usaha-usaha perlu diteruskan untuk menambah bahan-bahan yang ada kepada beberapa jenis muzik yang lain dan belum diteroka. Dengan kesedaran ini saya mengambil langkah untuk menambah koleksi bahan dengan membina “Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu Melalui Rebana”.

1.4 Tujuan projek

1.4.1 Tujuan projek ini adalah:

- i. Membina dan melaksanakan “Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu melalui Rebana”.
- ii. Meninjau dan mendapatkan pandangan serta maklum balas tentang keberkesanan “Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu Melalui Rebana”.

1.4.2 Objektif Khusus

- i. Membolehkan para pelajar dan guru menggunakan Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu Melalui Rebana berdasarkan Sukatan Pelajaran KBSM Pendidikan Muzik.
- ii. Memberi kemahiran asas kepada pelajar dan guru untuk menguasai kemahiran bermain rebana. Di antara bentuk kemahiran asas yang dimaksudkan itu ialah dari segi postur, cara memegang alat, teknik memalu, dan membaca skor. Kriteria pencapaian yang ditetapkan berdasarkan kepada tahap pencapaian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) (2004, p. 19-20), antaranya ialah:

Aras 1

- a. Berkebolehan memainkan pelbagai repertoire ensembel yang dipilih mengikut skor dengan memuaskan.
- b. Berkebolehan memainkan alat-alat muzik tradisional mengikut teknik yang betul.

Aras 2

- a. Berkebolehan memainkan pelbagai repertoire ensembel yang dipilih mengikut skor dengan baik.
- b. Kerap mengamalkan teknik yang betul bermain alat-alat muzik tradisional.



Aras 3

- a. Berkebolehan memainkan pelbagai repertoire ensembel yang dipilih mengikut skor dengan tepat dan lancar.
 - b. Mengamalkan teknik bermain alat-alat muzik tradisional dengan betul.
- iii. Menyediakan satu buku panduan guru untuk mengajar elemen irama tradisional Melayu melalui rebana untuk guru muzik yang boleh diakses secara pembelajaran sendiri.
 - iv. Menyediakan satu buku panduan guru untuk mengajar elemen irama tradisional Melayu melalui rebana yang boleh diguna pakai oleh guru muzik sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM).
- v. Meninjau respon guru-guru muzik terhadap buku panduan guru untuk mengajar elemen irama tradisional Melayu melalui rebana yang dibangunkan.

1.5 Kepentingan projek

1.5.1 Sekolah-sekolah

Hasilan projek ini diharapkan dapat membantu dan menyediakan pilihan bahan pengajaran dan pembelajaran kepada sekolah-sekolah yang sedang melaksanakan Kurikulum Pendidikan Muzik KBSM.



1.5.2 Guru-guru muzik

Hasilan projek ini akan membolehkan guru muzik mempelbagaikan elemen di dalam pengajaran dan pembelajaran dengan mengajar elemen irama tradisional dan tidak hanya bergantung kepada elemen muzik moden sahaja.

1.5.3 Warisan budaya

Hasilan projek ini juga akan menyumbang kepada pengekalan warisan budaya apabila pengajaran dan pembelajaran irama tradisional Melayu dijalankan di dalam kelas.

1.6 **Batasan projek**

Projek ini dibataskan oleh tiga aspek utama iaitu kaedah pembinaan projek, teknik permainan rebana dan urutan latihan pembelajaran irama tradisional Melayu melalui rebana. Pembinaan projek ditumpukan kepada ciri-ciri pembinaan projek yang berkesan untuk tujuan pembelajaran irama tradisional melalui rebana.

Mana kala isi kandungan pembelajaran permainan rebana yang berbentuk teks diambil menerusi bahan-bahan yang telah sedia ada di dalam buku-buku seperti: *Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia*; Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh (1995), *Buku Sumber dan Aktiviti Pendidikan Muzik KBSM Tingkatan Satu*; Kementerian Pendidikan Malaysia (1998), *Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik*; Patricia Matusky dan Tan Siew Beng (2000), *Bermesra Dengan Kompang*; Unit Ko-Kurikulum JPN Perak (2004), *Asas Pendidikan Muzik I*; Mastor Hj Jarkaseh (2007), *Asas Pendidikan Muzik II*; Mohd Azam Sulong

dan Mastor Hj Jarkaseh (2009) dan *Asas Pendidikan Muzik III*; Mohd Azam Sulong dan Mastor Hj Jarkaseh (2011). Dalam memahirkan satu-satu latihan irama, susunan latihan asas permainan rebana ditulis menggunakan *Sibelius 6* dan dipersembahkan melalui *Microsoft word*.

1.7 Definisi istilah

Definisi ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas lagi tentang tajuk yang dibincangkan dan memberi fokus kepada maksud modul dan memerlukan pemahaman yang harus difahami dengan teliti. Modul ini menggunakan beberapa istilah yang perlu dirungkaikan maknanya.

1.7.1 Muzik

Muzik bermaksud gubahan bunyi untuk menghasilkan satu irama yang harmonis; bunyi-bunyian yang bermelodi. Muzik merupakan bunyi yang diterima oleh individu dan berbeza bergantung kepada sejarah, lokasi, budaya, dan cita rasa seseorang. Ada juga yang mentakrifkan sebagai bunyi yang dikira sedap oleh pendengarnya dan apa-apa bunyi sahaja yang dihasilkan secara sengaja. Walaupun muzik adalah sejenis fenomena intuisi, penciptaan, perbaikan, dan persembahannya adalah satu seni. Sedangkan mendengar muzik adalah sejenis hiburan, mempelajari dan memahaminya adalah sejenis disiplin.

Menurut Mohd Taib Osman (1984, p. 35), muzik tradisional ialah muzik yang telah wujud selama beberapa keturunan dengan mengutamakan beberapa alat muzik dan ciri-ciri alat muzik yang berasas dari Asia Tenggara. Perkataan tradisional boleh



ditakrifkan sebagai suatu perkara yang diwarisi dari satu zaman ke satu zaman yang lain dan dari satu generasi ke satu generasi terdahulu – mungkin dari zaman dahulu kala dan masih dipertahankan atau diamalkan serta dihormati oleh generasi sekarang (Mubin Sheppard, 1990, p.).

Muzik pada peringkat awal hanyalah merupakan bunyi tepukan tangan, hentakan kaki, ketukan kaki, dan sebagainya bagi mengiringi sebahagian upacara seperti keluar memburu, memuja semangat, mengucapkan kesyukuran, dan berbagai-bagai upacara lain. Ia juga berfungsi sebagai hiburan, keseronokan, membawa ketenangan jiwa, dan menaikkan semangat.

‘Pengertian muzik dalam konteks tradisional Melayu ialah bunyi yang berterusan yang dihasilkan dari gesekan, ketukan, pukulan, dan tiupan yang dikeluarkan dari sentuhan dua atau lebih benda yang bergerak. Oleh kerana bunyi itu disusun, maka terjadilah beraneka muzik yang beridentitikan pengaruh alam sekeliling pencipta muzik itu.’

(Mohd Nasir Mohamed, 2000, p. 35).

Dalam konteks projek ini pula, muzik membawa maksud bunyi yang dihasilkan melalui paluan dari permukaan rebana dengan tangan. Aktiviti muzik yang diaplikasikan dalam “Modul Pengajaran Elemen Irama Tradisional Melayu Melalui Rebana” yang bertujuan untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran dalam memainkan sesuatu pola irama.





1.7.2 Modul pengajaran

Modul pengajaran bermaksud jenis pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi satu unit pelajar mengenai sesuatu tajuk tertentu dan disusun secara sistematik serta berurutan bagi memudahkan pelajar belajar secara bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan berkesan:

“Modul pengajaran termasuk salah satu sistem individual yang paling baru dan menggabungkan keuntungan dari berbagai metode pengajaran individu lainnya, seperti tujuan spesifikasi dalam bentuk kelakuan yang dapat diamati dan diukur, belajar menurut kecekapan masing-masing, belikan atau feedback yang diajar.”

(S.Nasution, 1995, p. 85)



1.7.3 Pengajaran

Proses pengajaran melibatkan aktiviti-aktiviti seperti penghuraian, demonstrasi, penggunaan alat bantu mengajar, dan bersoal jawab. Secara umumnya, proses pengajaran dalam pendidikan melibatkan tiga komponen penting iaitu perancangan, penyampaian, dan penilaian (Mok Soon Sang, 1993, p. 113).

Mengikut Kamus Pelajar terbitan khas KBSM (Abdul Majid Baharom, 2007, p.175), bermaksud segala yang berkaitan dengan mengajar atau mengajarkan (seperti caranya, sistemnya, dan lain-lain), atau sesuatu yang dapat dijadikan pedoman dan peringatan.





1.7.4 Pembelajaran

Pembelajaran ialah proses memperolehi meklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran, dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan (Zarina: 2004). Menurut Kamus Dewan (2007, p. 170), pembelajaran ditakrifkan sebagai belajar mendapatkan ilmu pengetahuan dan menjalani latihan. Mana kala menurut Ralph W.Tyler (1977, p. 91), pembelajaran ialah proses pelajar membentuk cara pemikiran yang baru atau mengubahsuaikan pemikirannya dan mampu menunjukkan perubahan dalam tingkah laku.

Dalam konteks projek ini, pembelajaran berlaku dengan guru menggunakan “Modul Pengajaran Elemen Tradisional Melayu Melalui Rebana”. Pelbagai pendekatan dan strategi digunakan agar pelajar dapat belajar dan menguasai elemen irama tradisional melalui rebana.



1.7.5 Irama

Irama merupakan satu elemen asas dalam konsep muzik. Satu-satu irama terhasil daripada suatu susunan bunyi yang disebut pola irama. Dalam sesuatu pola irama terdapat beberapa faktor yang ada kaitan dengannya seperti tempo masa, detik, tekanan detik, dan tempo. Susunan not-not dan gabungan tanda rehat yang tertentu akan menghasilkan pola-pola irama dan corak-corak irama yang menarik.





1.7.6 Irama tradisional

Irama tradisional adalah muzik oleh sesuatu kaum. Ia bergantung kepada budaya, adat dan penerimaan sesebuah bangsa. Setiap bangsa mempunyai ciri-ciri muzik yang tersendiri. Irama tradisional Malaysia juga dikaitkan dengan pelbagai rentak yang dibawa masuk ke Malaysia (Tanah Melayu) melalui pelbagai cara termasuklah perdagangan. Contohnya; Zapin yang dibawa masuk oleh ahli-ahli perniagaan Arab. Juga melalui lawatan-lawatan. Contohnya; Ghazal dari Riau yang dibawa masuk oleh Pembesar Johor. Ada di antaranya melalui penghijrahan. Contohnya; Muzik Gamelan, Wayang Kulit, Caklempong yang dibawa masuk oleh orang Jawa-Minang, Indonesia dan Wayang Kulit yang dibawa masuk oleh orang Pattani (Thailand) di Kelantan.



1.7.5 Rebana

Sejenis gendang satu muka yang berbentuk seperti pasu (*potted type*). Ianya sering digunakan dalam ensembel muzik sinkretik yang berkembang di kalangan masyarakat Melayu bandaran seperti Dondang Sayang, Joget Inang, Masri Zapin, Cinta Sayang Melayu Asli, dan Ayam Didik. Dalam konteks persembahan, rebana akan diletak di atas riba pemain dan dipalu dengan tangan. Ianya dapat menghasilkan pic suara asas seperti mnemonik 'dung' yang dipalu pada bahagian tengah permukaannya dan mnemonik 'tak' dari bahagian tepi alat berkenaan. Peranannya dalam ensembel adalah sebagai penyokong irama dengan pola-pola paluan yang dikategorikan sebagai irama asas (*basic*), penambahan (*additive*), dan menyilang (*cross- rhythm*).

Bahan akustik seperti kayu, kulit kambing, rotan, dan buluh digunakan untuk membuatnya. Baluh ataupun temalang bagi alat rebana lazimnya diperbuat daripada





kayu nangka. Ianya diakui dapat mempengaruhi mutu suara sesebuah alat itu. Dalam ensembel sinkretik terdapat dua sistem Rebana yang sering digunakan iaitu:

- i. Rebana yang memerlukan rotan sedak untuk menegangkan kulitnya sebagai prinsip utama dalam proses penalaan bunyi sebelum persembahan.
- ii. Rebana yang memerlukan rotan sedak dan kayu pasak iaitu *tuning block* untuk menegangkan kulitnya sebagai prinsip utama dalam proses penalaan bunyi sebelum persembahan.



Dengan demikian suara yang *ideal* dapat dihasilkan. Setelah selesai persembahan, rotan sedak hendaklah dikeluarkan bagi menstabilkan kedudukan kulit rebana berkenaan dalam keadaan yang asal (*loosen*). Dalam berinteraksi, rebana daripada jenis ini, sering juga disebut sebagai Rebana Medan ataupun Rebana Joget iaitu nama kompaun (*compound name*) yang digunakan bagi merujuk tempat asal Rebana berkenaan serta fungsi yang didukungnya.

1.8 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab pengenalan ini menghuraikan latar belakang projek, pernyataan masalah, tujuan projek, kepentingan projek, batasan projek, dan definisi istilah. Penghasilan projek ini akan dapat membantu mengurangkan masalah yang mungkin timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional, khususnya rebana kepada





pelajar-pelajar. Diharapkan juga dengan penghasilan “Modul Pengajaran Elemen Tradisional Melayu Melalui Rebana” ini boleh dijadikan panduan kepada para pendidik muzik yang ingin mengaplikasikan muzik ensembel tradisional di sekolah masing-masing.

